

15/08/2000

Dr M lancar buku Che Det dan Pekan Rabu

ALOR STAR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, melancarkan buku bergambar bertajuk Che Det dan Pekan Rabu yang menceritakan pengalaman zaman remajanya berniaga di pusat beli-belah usahawan Melayu di sini.

Buku tulisan Ketua Bahagian Edaran Perpustakaan Awam Kedah, Zahidi Zainol Rashid, itu merangkumi 100 gambar baru dan lama Pekan Rabu, bandar Alor Star dan lawatan Dr Mahathir ke pusat itu.

Ia diterbitkan Koperasi Pekan Rabu sempena Karnival Pekan Rabu 2000 yang berlangsung selama sebulan bermula 5 Ogos lalu. Buku terbabit dijual pada harga RM120 sebuah.

Che Det adalah nama panggilan Dr Mahathir di kalangan peniaga Pekan Rabu ketika beliau berniaga dulu.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, beliau bangga dengan penerbitan buku itu kerana ia mempunyai kaitan dengan dirinya.

"Walaupun saya tidak suka dengan sesuatu yang dinamakan dengan nama saya, saya anggap ini penghormatan.

"Tambahan pula saya masih berasa terikat dengan Pekan Rabu. Bila diberitahu satu buku nak kaitkan saya dengan Pekan Rabu, saya gembira. Biasanya saya tak suka nama dikaitkan pada bangunan dan sebagainya.

"Tapi dengan Pekan Rabu, ia penghormatan amat tinggi. Dapat medal pun tak rasa besar macam tu. Bila diminta lancar, saya rela hati terima," katanya dalam ucapannya di majlis pelancaran buku itu di sini hari ini.

(END)